

05 JUL 1996
LEAD Mahathir
TAMBAK JOHOR MUNGKIN DIROBOHKAN

JOHOR BAHRU, 5 Julai (Bernama) -- Tambak Johor, yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura sejak 1924, mungkin dirobohkan dan digantikan dengan sebuah jambatan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini adalah cita-cita besar kerajaan dan kerajaan negeri Johor, supaya air dapat mengalir dari timur ke barat dan sebaliknya dan kapal-kapal dapat menggunakan Selat Tebrau, katanya.

Semasa berucap pada pelancaran projek bernilai RM6 ribu juta JB Waterfront City di sini hari ini, beliau berkata cita-cita besar ini "mungkin terjadi, mungkin tidak."

"Tetapi apa salahnya kalau kita buat persediaan dari sekarang dengan tidak menutup jalan untuk laluan kapal-kapal.

"Mungkin satu hari nanti, kapal-kapal besar dapat lalu dan Selat Tebrau dapat dijadikan balik kepada keadaan asalnya."

Sebuah jambatan, yang dikenali sebagai Link Kedua, yang menghubungkan Johor Baharu dan Singapura (Tuas) kini dalam pembinaan.

Dr Mahathir juga berharap Selat Tebrau akan menjadi saluran air yang boleh digunakan oleh penduduk negeri Johor.

Projek JB Waterfront City, di atas perairan Selat Tebrau seluas 48 hektar, dijangka disiapkan sepenuhnya antara tahun 2006 dan 2011.

Projek yang akan menjadi pusat perniagaan baru bandar Johor Baharu itu dimajukan oleh Johor Coastal Development Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Pilecon Engineering Bhd.

Projek JB Waterfront City yang menggunakan konsep baru dalam pembinaan iaitu dengan menanam cerucuk dan bukan melalui tebusguna tanah, mendapat pujian Dr Mahathir.

Bagaimanapun Perdana Menteri berharap projek itu tidak dibina terlalu jauh ke tengah perairan Selat Tebrau sehingga menyekat laluan kapal.

"Kapal-kapal besar di harap dapat lalu di sini," katanya.

Dr Mahathir berkata konsep baru dalam pembinaan itu boleh dieskport ke negara-negara kecil, yang terdiri daripada pulau-pulau .

Konsep baru pembinaan itu juga boleh digunakan untuk pelbagai bangunan serta pembinaan landasan kapal terbang di permukaan perairan, katanya. --

BERNAMA

THG RON